



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN JALAN PAYA BESAR  
09600 LUNAS, KEDAH DARUL AMAN**

Tel.: 04-4847434 Fax: 04-4842404  
Email:smkjpbesar.kbb@gmail.com  
KEA5073@moe.edu.my



Rujukan: SMKJPB/50/004/25( )  
Tarikh : 14 Januari 2019

YBhg Dato'/Tuan/Puan

**JEMPUTAN 'CABARAN MEMANAH TERBUKA & JEMPUTAN  
KULIM ARCHERY CLUB/SMKJPB 2019 RECURVE B10 & B12 TAHUN**

Dengan segala hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **Kulim Archery Club (KULArC)** bersama Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Paya Besar, Lunas akan menganjurkan 'Cabaran Memanah Terbuka Kulim/SMKJPB kali Pertama 2019, pada **22hb. Februari hingga 24hb. Februari 2019** bertempat di **Padang SMK Jalan Paya Besar, Lunas Kedah Darul Aman.**
3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah berbesar hati untuk menjemput Persatuan/Kelab/Sekolah dan peminat sukan memanah untuk menyertai **Cabaran Memanah Terbuka Kulim/SMKJPB & Jemputan Kali Pertama 2019.** Bersama-sama surat ini dilampirkan maklumat berkaitan kejohanan.
4. Untuk makluman pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan yuran penyertaan bagi setiap peserta adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh)** dan **RM20.00 (Ringgit Malaysia dua puluh)** bagi setiap Pengurus/Jurulatih. Diharap dapat sekiranya pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan kembalikan borang penyertaan pada atau sebelum **15 Februari 2019.**
5. Kami mengalu-alukan penyertaan pasukan dalam kejohanan ini untuk sama-sama memeriahkan kejohanan yang akan kami anjurkan ini. Semoga penglibatan pihak tuan dapat meningkatkan prestasi sukan memanah. Keprihatinan dan kerjasama pihak YBhg Dato'/Tuan/Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"KEDAH AMAN MAKMUR-HARAPAN BERSAMA MEMAKMURKAN KEDAH"**

**"PENDIDIKAN CEMERLANG KEDAH GEMILANG"**

Saya yang menjalankan amanah,

.....  
(Balwinder Singh A/L Guruvak Singh)  
Pengetua  
SMK Jalan Paya Besar,  
Lunas , Kedah Darul Aman.

